

**NO. SOALAN: 66**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Kerajaan sendiri belum mahu mengambil inisiatif untuk meminda Akta Mahkamah Syariah 1965 sedangkan sudah ada sokongan yang tidak berbelah bahagi umat Islam seluruh negara, termasuk daripada penyokong Kerajaan sendiri.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Ingin saya jelaskan disini. bahawa Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] telah diperkenalkan pada tahun 1965. Ketika itu kadar maksimum hukuman penjara tidak lebih dari 6 bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya. Pada tahun 1984, peruntukan mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah tersebut telah dipinda melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Menerusi pindaan itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman telah dinaikkan kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Seterusnya, pada tahun 1989 ianya diperluaskan pemakaianya ke Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan usaha Kerajaan untuk meminda Akta 355, sebenarnya cadangan pindaan terhadap Akta 355 telah bermula seawal tahun 2004] dan terus diusahakan oleh Kerajaan. Beberapa cadangan pindaan telah dicadangkan dan pernah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasaran Undang-Undang Syarak dan Sivil Kali ke-18 pada tahun 2008. Selepas itu, dari semasa ke semasa sehingga sekarang, segala usaha dibuat secara berterusan untuk meminda Akta 355 bagi memastikan cadangan pindaan itu adalah selaras dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH: 7 MAC 2017**

**SOALAN : 67**

**Dr. Haji Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa akan bermula sepetimana yang telah diumum dalam RMK 11 pada tahun 2015.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah membuat pelawaan tender kerja untuk Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu pada 16 Februari 2017. Taklimat Tender telah dibuat kepada petender-petender pada 21 Februari 2017 dan petender telah diberi masa selama 3 bulan daripada tarikh tersebut untuk menghantar Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK). Projek ini dijangka akan bermula pada bulan Julai 2017 dan mengambil masa selama 3 tahun untuk disiapkan.